

Sekolah Angkat MADANI perkasa pendidikan secara menyeluruh

• Sekolah Angkat MADANI bukan sekadar membaik pulih bangunan, tetapi membina kapasiti insan yang menjadi aset masa depan negara

• Pelaburan dalam pendidikan bukan sekadar perbelanjaan pembangunan, tetapi pelaburan jangka panjang terhadap masa depan negara



Oleh Prof Madya Dr Mohamad Khairi Othman
bhrencana@bh.com.my

Usaha membangunkan pendidikan negara bukan hanya menjadi tanggungjawab Kementerian Pendidikan (KPM) semata-mata, malah memerlukan pembabitkan seluruh jentera kerajaan, syarikat berkaitan kerajaan (GLC), syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC), sektor swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan masyarakat.

Atas semangat ini, kerajaan memperkukuhkan Program Sekolah Angkat MADANI (SAM), hasil cetusan idea Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, sebagai inisiatif berimpak tinggi bagi memperkukuh ekosistem pendidikan melalui pendekatan kolaboratif lebih menyeluruh.

Bagi tahun ini, kerajaan memperuntukkan RM50 juta di bawah Program SAM dengan peruntukan maksimum RM100,000 bagi setiap sekolah.

Sasaran program ini membabitkan 500 sekolah di bawah Kementerian, jabatan dan agensi kerajaan serta 1,000 sekolah melalui penyertaan badan korporat, menjadikan keseluruhan sasaran sebanyak 1,500 SAM di seluruh negara.

Angkat pembangunan sekolah secara holistik

Berbeza dengan program bantuan hanya tertumpu kepada aspek fizikal, SAM mengangkat konsep pembangunan sekolah secara holistik.

Selain pembaikan kecil infrastruktur seperti bilik darjah, tandas, surau, kantin, perpustakaan dan kemudahan digital, program ini turut memberikan penekanan kepada pembangunan akademik, sahsiah, kepimpinan dan kemahiran pelajar.

Antara skop dibenarkan termasuk penyediaan komputer, makmal sains, perpustakaan, kelas pintar dan kemudahan e-pembelajaran.

Program akademik pula merangkumi kelas tambahan bagi mata pelajaran teras seperti Matematik, Sains dan Bahasa Inggeris, program mentor-mentee, penyediaan buku rujukan dan modul latihan.

Latihan guru dalam teknik pengajaran moden dan penggunaan teknologi juga diberikan perhatian.

Selain itu, SAM merangkumi program motivasi, kepimpinan, keusahawanan, kemahiran insaniah, Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) serta Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

Pendekatan ini memperlihatkan SAM bukan sekadar membaik pulih bangunan, tetapi membina kapasiti insan yang menjadi aset masa depan negara.

Infrastruktur yang baik perlu disertai program akademik, latihan guru, bimbingan kerjaya dan pembangunan sahsiah agar pelaburan kerajaan menghasilkan manfaat lebih berkekalan.

Hakikat pendidikan adalah komponen penting kepada kesejahteraan rakyat turut dapat dilihat dalam Kajian Impak Inisiatif Belanjawan itu menggunakan petunjuk kesejahteraan ekonomi dan sosial untuk menilai sama ada sesuatu inisiatif benar-benar memberi kesan kepada penerimanya.

Program SAM menggalakkan pembabitkan langsung komuniti melalui kerjasama erat antara Kementerian, jabatan, agensi kerajaan, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), persatuan ibu bapa dan guru (PIBG), badan korporat serta NGO.

Sesi libat urus pula membabitkan agensi pelaksana,

pihak pendidikan dan sekolah supaya projek dipilih benar-benar menepati keperluan setempat.

Pendekatan gotong-royong bersama PIBG digalakkan bagi pembaikan kecil dan keceriaan sekolah.

Prestasi pelaksanaan program menunjukkan perkembangan memberangsangkan. Pada 2025, sebanyak 934 sekolah terabit dalam SAM.

Daripada 934 sekolah ini, 192 ialah sekolah di bawah agensi kerajaan, manakala 742 ialah sekolah di bawah badan korporat. Daripada jumlah ini, 374 ialah sekolah menengah, 548 sekolah rendah dan 12 sekolah bukan di bawah KPM.

Bagi 192 sekolah di bawah agensi kerajaan pada 2025, peruntukan kewangan berjumlah RM19.2 juta disediakan. Prestasi pelaksanaan mencapai 97.74 peratus, manakala prestasi perbelanjaan ialah 94.33 peratus atau RM18.11 juta.

Bagi penyertaan badan korporat pula, sumbangan bernilai lebih RM20.54 juta direkodkan dengan 395 daripada 742 sekolah disiaipkan berdasarkan infokit dikeluarkan.

Sehingga 9 Julai lalu, sebanyak 1,620 skop projek dan program SAM dilaksanakan. Antara skop terbesar ialah pendidikan pelajar sekolah sebanyak 370 program, latihan dan pembangunan guru (217), perkhidmatan sosial dengan 210 program, kemudahan fasiliti pembelajaran (189), perolehan aset sebanyak 177 projek serta kerja membekal 70 projek.

Dari sudut fizikal, pelaksanaan membabitkan antaranya 44 projek naik taraf dewan, tandas, gelanggang, padang dan trek riadah; 43 projek penyelenggaraan fasiliti sekolah; 37 projek naik taraf sekolah secara umum.

Ia termasuk 28 projek menaik taraf bilik darjah, 17 projek menaik taraf perpustakaan, 16 kerja mengecat sekolah, sembilan projek baik pulih tandas, lapan projek meningkatkan capaian telekomunikasi atau internet serta tujuh projek menaik taraf kantin atau dewan makan.

Bagi memastikan projek dilaksanakan dengan telus dan berkesan, Kementerian Kewangan menyelaraskan peruntukan, manakala Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM) bertindak sebagai agensi pemantau.

Kepentingan libat urus pelbagai pihak

Semua Kementerian, agensi dan pemilik projek perlu mengemas kini prestasi melalui Dashboard SAM.

Pengalaman kajian impak terhadap inisiatif kerajaan menunjukkan kepentingan libat urus, pemantauan, penyelarasan, kawalan kualiti dan mekanisme maklum balas.

Prinsip sama perlu diterapkan dalam SAM. Sekolah, PIBG, guru, murid, PPD dan agensi angkat perlu terabit sejak peringkat perancangan supaya projek tidak dipilih secara sepihak atau sekadar memenuhi sasaran perbelanjaan.

Secara keseluruhan, SAM membuktikan komitmen kerajaan untuk memastikan sekolah mendapat peluang pembangunan lebih seimbang tanpa mengira lokasi.

Menerusi kerjasama strategik antara kerajaan, sektor korporat dan komuniti, program ini bukan sahaja memperbaiki kemudahan pembelajaran, malah berpotensi membentuk generasi pelajar lebih berilmu, berkemahiran dan berdaya saing.

Inisiatif ini memperlihatkan pelaburan dalam pendidikan bukan sekadar perbelanjaan pembangunan, tetapi pelaburan jangka panjang terhadap masa depan negara.

Sekolah yang lebih selamat, lengkap dan kondusif, disokong program akademik serta pembangunan sahsiah berkualiti akan melahirkan modal insan menjadi tonggak kepada kemajuan dan kesejahteraan Malaysia.

